



UNTUK EDARAN  
SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### LTAT MEMBERI SOKONGAN PENUH TERHADAP PERKUKUH

**Kuala Lumpur, 12 Ogos 2021:** Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) hari ini memberi sokongan penuh terhadap inisiatif Transformasi Syarikat berkaitan Kerajaan PERKUKUH, yang telah diumumkan YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, bertujuan meningkatkan fokus dan menjelaskan mandat bagi mengukuhkan semua dana kekayaan berdaulat dan institusi pelaburan dalam negara, termasuk LTAT.

Ketua Eksekutif LTAT, Dato' Ahmad Nazim Rahman berkata, "Pelaksanaan PERKUKUH ini adalah tepat pada masanya kerana ia selaras dengan usaha yang telah dimulakan LTAT, iaitu meningkatkan kapasiti untuk menjadi sebuah dana persaraan yang memberikan pulangan yang mampan dan berdaya saing untuk Angkatan Tentera Malaysia. Bagi memenuhi keperluan sistem persaraan yang stabil untuk tempoh jangka panjang, LTAT harus membina kemampuan daya tahan masa hadapan dengan menetapkan tadbir urus terbaik serta merangka strategi pelaburan yang menjamin pulangan berterusan kepada pihak berkepentingannya. Adalah penting juga bagi LTAT untuk berupaya mengikut perkembangan terbaru dan amalan terbaik dalam bidang perlindungan sosial agar para pencarum dapat terus menikmati tahap kehidupan sosio-ekonomi yang baik selepas persaraan."

Di bawah PERKUKUH, LTAT akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kewangan bagi memperkukuhkan kemampuan dananya untuk terus melaksanakan mandat memberi pulangan selaras dengan peningkatan skala ekonomi, mengoptimumkan alokasi aset strategiknya di samping meneruskan pembangunan bakat dan kemampuan sumber manusianya.

**Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
12 Ogos 2021**